



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Peraturan Untuk Meraikan  
Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara  
(Kuat Kuasa 1 Januari 2023)**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

### WP5.2 PERATURAN UNTUK MERAIKAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERSARA

Perenggan	Peraturan	Muka Surat
1.	<b>TUJUAN</b>	2
2.	<b>PERATURAN</b>	2
2.1	<b>Jamuan</b>	2
2.2	<b>Hadiah Penghargaan</b>	2
2.3	<b>Sijil Penghargaan</b>	2
2.4	<b>Syarat-Syarat</b>	2
3.	<b>HAL-HAL LAIN</b>	3

**MAJLIS RASMI KERAJAAN****WP 5.2 PERATURAN UNTUK MERAIKAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERSARA****1. Tujuan**

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kadar dan peraturan untuk meraikan pegawai Perkhidmatan Awam yang bersara.

**2. Peraturan****2.1 Jamuan**

2.1.1 Kadar penyediaan jamuan adalah tidak melebihi RM60.00 seorang. Bilangan tetamu hendaklah dihadkan kepada pegawai yang bersara dan jemputan yang perlu sahaja.

**2.2 Hadiah Penghargaan**

2.2.1 Pegawai yang bersara boleh diberikan hadiah penghargaan dalam apa-apa bentuk yang bersesuaian dengan kadar keseluruhan tidak melebihi RM600.00 seorang.

**2.3 Sijil Penghargaan**

2.3.1 Pemberian dan penyediaan Sijil Penghargaan hendaklah merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian PP.1.2.10: Sijil Penghargaan Kepada Pesara dan Bekas Pegawai Awam dan pindaannya.

**2.4 Syarat-Syarat**

2.4.1 Pegawai Perkhidmatan Awam yang layak diraikan terdiri daripada pegawai yang bersara wajib, bersara atas sebab kesihatan dan bersara pilihan;

2.4.2 bagi pesara pilihan, pegawai hendaklah telah berkhidmat secara tetap dengan Kerajaan tidak kurang daripada 15 tahun;

- 2.4.3 bagi pesara yang bersara atas sebab kesihatan, pegawai boleh diraikan tanpa mengambil kira tempoh perkhidmatan pegawai dengan Kerajaan;
- 2.4.4 pegawai layak diraikan sekali sahaja sama ada dianjurkan oleh Kementerian atau Jabatan;
- 2.4.5 majlis hendaklah diadakan sekali setahun sahaja. Penganjuran majlis digalakkan di peringkat Kementerian yang meliputi semua Jabatan dan Agensi di bawahnya mengikut kesesuaian;
- 2.4.6 lokasi penganjuran majlis seboleh-bolehnya diadakan di Kementerian/ Jabatan masing-masing; dan
- 2.4.7 Kementerian/ Jabatan seboleh-bolehnya mengadakan majlis persaraan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan untuk mengelakkan perbelanjaan kepada pegawai setelah bersara seperti tambang perjalanan (Tambang Pengangkutan Awam/ Elaun Perjalanan Kenderaan/ Tiket Kapal Terbang).

### **3. Hal-Hal Lain**

- 3.1 Kementerian/ Jabatan yang berhasrat untuk mengadakan majlis melebihi kadar yang dinyatakan di atas, boleh menampungnya melalui sumber lain seperti daripada Kelab Kebajikan dan Sukan Kementerian/ Jabatan masing-masing.
- 3.2 Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelaksanaan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya oleh Kementerian/ Jabatan masing-masing.
- 3.3 Sekiranya majlis diadakan setelah pegawai bersara, pesara yang menghadiri majlis persaraan layak menuntut tambang perjalanan (Tambang Pengangkutan Awam/ Elaun Perjalanan Kenderaan/ Tiket Kapal Terbang) mengikut kelayakan gred terakhir sebelum bersara di bawah Pekeling Perbendaharaan WP1.4 dan pindaannya. Pembayaran bagi tuntutan ini adalah dibayar oleh Jabatan terakhir sebelum bersara.